

Bank Soalan SPM

Kertas 1

Dua jam

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B**.

Bahagian A

[30 markah]

Petikan dan grafik di bawah berkaitan dengan kepupusan hidupan liar.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **punca-punca kepupusan hidupan liar di Malaysia**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Kepupusan hidupan liar di negara ini sering dikaitkan dengan manusia yang menjadi ejen pemusnah melalui aktiviti pemburuan haram. Di Malaysia, antara haiwan liar yang menjadi buruan ialah harimau, gajah, kura-kura, labi-labi, ular, burung, beruang, dan tenggiling. Selain daging, jantung serta isi perut untuk kepuasan nafsu manusia, anggota lain hidupan liar seperti kulit, bulu, gading, dan tanduk turut dieksploitasi untuk perhiasan dan pakaian.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Punca-punca Kepupusan Haiwan' oleh Yasmin Yusuf, *Majalah Sains*, 8 Disember 2019



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Kementerian Pendidikan akan mengkaji kegiatan kokurikulum di sekolah terutama membabitkan aktiviti sukan bagi menarik minat lebih banyak murid menyertai kegiatan itu. Sukan ialah kegiatan kokurikulum yang penting kepada setiap murid seperti di United Kingdom kerana murid mereka diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya dua jenis sukan. Oleh itu, usaha akan digerakkan untuk membangunkan minat murid terhadap sukan dalam kalangan generasi muda di sekolah.

Sumber: 'Antara Sukan dan Akademik' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 1

Huraikan inisiatif pelbagai pihak dalam memberikan sokongan kepada anak-anak untuk bergiat aktif dalam sukan.

2. Industri pelancongan Malaysia menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi negara, seterusnya menjadikan Malaysia sebagai destinasi unggul terutamanya untuk percutian dan pelancongan insentif. Sebagai rakyat Malaysia, kita turut berbangga kerana Malaysia mempunyai pelbagai perkhidmatan hospitaliti yang bertaraf antarabangsa, infrastruktur pelancongan yang moden, serta sistem pengangkutan yang selesa.

Sumber: 'Pelancongan Domestik' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 1

Industri pelancongan yang menyumbang kepada pendapatan negara terjejas teruk ekoran pandemik COVID-19. Atas kesedaran pentingnya memulihkan industri pelancongan tanah air kembali, anda ingin menulis sebuah rencana tentang keistimewaan yang terdapat di Malaysia bagi merencanakan industri pelancongan semula.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

3. Dewasa ini jenayah siber semakin menular di mana-mana sahaja sehingga sudah peringkat mengancam keselamatan awam. Keselamatan awam merupakan prasyarat untuk pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kerajaan amat komited untuk membanteras jenayah, termasuk jenayah siber sekali gus berusaha keras untuk menurunkan indeks pelbagai jenis jenayah di negara ini.

Sumber: 'Usaha Memerangi Jenayah' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 1

Bincangkan cara-cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber.

4.

Kehidupan bermasyarakat tidak terlepas daripada amalan hidup berjiran. Dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia, tradisi hidup berjiran atau semangat kejiranan berdasarkan perbezaan bangsa dan agama sudah sinonim sejak sekian lama. Namun demikian, realiti masyarakat hari ini mengambil mudah tentang semangat kejiranan ini. Alasan sibuk dengan aktiviti seharian dan karier sering diutarakan untuk mengabaikan amalan kejiranan.

Sumber: 'Memperkukuh Tradisi Hidup Berjiran'
oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 1

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan punca-punca semangat kejiranan semakin kurang diamalkan.

Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B**, dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata hubung gabungan**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata hubung gabungan** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Hutan sering disebut dan diumpamakan sebagai paru-paru bumi. Melalui kajian saintifik, hutan mempunyai banyak kepentingan termasuk menyerap pencemaran gas karbon dioksida serta membekalkan oksigen kepada semua spesies hidupan. Hutan juga berfungsi sebagai habitat flora dan fauna, malahan membekalkan sumber kayu balak yang bermutu tinggi. Aktiviti peneuaian hutan atau pembalakan turut menyumbang kepada hasil negeri dan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Agenda Pengurusan Hutan: Menangani Pembalakan Haram' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 7

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah, kemudian tukarkan **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Semua sedia maklum bahawa masyarakat yang bersatu padu, maju, sejahtera dan harmoni dibentuk oleh institusi kekeluargaan. Kekuatan institusi kekeluargaan perlu diperkukuh dan dipertahankan agar tidak hanyut sehingga mendatangkan kehancuran kepada masyarakat. Keharmonian keluarga akan dilahirkan oleh elemen penting ini, sekali gus menjadi pemangkin kepada kemajuan negara. Tegasnya, masyarakat dan individu yang idealistik dan prihatin dapat dilahirkan oleh institusi kekeluargaan yang jitu.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Tanggungjawab Bersama' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 5

[6 markah]

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Tahap kesedaran dan pengetahuan rakyat negara ini tentang mementingkan teknologi hijau belum mencapai tahap yang memuaskan dan menyeluruh. Teknologi hijau merupakan satu teknologi yang alam mesra dan teknologi yang nipis karbon bagi mengurangkan pelepasan ges karbon ke udara yang disebabkan fenomena perubahan cuaca dunia. Antara kesan-kesan perubahan cuaca dunia yang kita rasai pada masa ini ialah cuaca yang melampau seperti keadaan cuaca panas yang sedang dihadapi oleh kita pada masa ini.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Teknologi Hijau Melestarikan Alam'
oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 6

[6 markah]

Bahan 2

Belia merupakan tulang belakang negara dalam hal politik, social, dan landskap ekonomi kerana mereka membentuk lebih daripada 11.9 juta orang yang merangkumi kira-kira 41 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia. Negara memerlukan golongan muda yang berjiwa besar untuk membawa negara ke peringkat baru yang lebih gemilang. Dalam mana zaman sekalipun, inilah keperluan yang paling tinggi sekali terutamanya Malaysia yang mahu mencapai status negara maju.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Memperkasa Belia Pewaris Negara'
oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 6

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, "Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?"

Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu."

Maka titah baginda, "Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?"

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang **berlawanan maksud** dengan peribahasa tersebut.

Tuk Penghulu : Hidup bermasyarakat haruslah bagai aur dengan tebing. Tak boleh ikut hati sendiri. Perlu rasional.

Karim : Tuk Penghulu senanglah cakap. Hati saya ini yang sakit. Bukannya saya dan jiran-jiran lain tak pernah membantu Mazlan. Tapi dia jadi begitu sebab sikap dia sendiri. Natijahnya, malas bergarit, perut perit.

Tuk Penghulu : Apa-apa pun bawalah berbincang, Karim. Tuk tak mahu kerukunan hidup kita di kampung ini terjejas. Ingat, jong pecah, yu kenyang.

Karim : Ya, tuk. Tapi saya berharap agar tuk boleh berjumpa dengan Mazlan. Nasihatkan dia.

Tuk Penghulu : Hal itu, jangan risau. Tahulah tuk.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Isu nahas atau kemalangan dan kematian di jalan raya sudah menjadi masalah negara yang sering menghantui kita setiap hari. Kemalangan jalan raya yang banyak berlaku pada musim perayaan khususnya, bukan sahaja suatu kerugian kepada keluarga mangsa dan rakan-rakannya, tetapi juga kerugian modal insan yang besar kepada negara. Hal ini demikian kerana banyak wang dan perbelanjaan telah dikeluarkan untuk mereka bagi tujuan persekolahan, peperiksaan, dan pekerjaan. Sebenarnya *pelbagai modus operandi* telah dilakukan oleh kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutama pada musim perayaan. Penggunaan helikopter untuk memantau pergerakan kenderaan, pengedaran poster, dan kempen kesedaran antara prakarsa kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa selamat ketika berada di jalan raya.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Usaha Mensifarkan Nahas Jalan Raya' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 2

Bahan 2

Isu pelumba motosikal haram atau 'mat rempit' dan kerenah buruk mereka sering kali dipaparkan dalam media massa negara kita. Saban hari ada sahaja kes yang melibatkan mereka yang memeningkan masyarakat termasuk pihak polis. Golongan ini memang tidak pernah serik walaupun ditahan polis, terbabit dalam kemalangan jalan raya, dijatuhkan hukuman oleh mahkamah, atau melihat rakan 'seperjuangan' maut di depan mata. Oleh itu, pihak polis berikrar untuk meningkatkan langkah penguatkuasaan serta tidak lagi berlembut terhadap pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan seperti perlumbaan haram. Langkah kerajaan memperkenalkan penguatkuasaan di jalan raya melalui sistem elektronik dilihat mampu untuk membendung kegiatan 'mat rempit' dan pesalah trafik yang lain. Hal ini diyakini mampu mengurangkan kadar kecelakaan jalan raya sekali gus menyediakan perkhidmatan lalu lintas di jalan raya yang lebih selamat kepada pengguna.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Menangani Mat Rempit Tanggungjawab Bersama' oleh Samat Buang, *Koleksi Rencana Umum*, Jilid 3

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *pelbagai modus operandi*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa langkah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. [4 markah]
- (iii) Setiap kali isu kemalangan jalan raya dibangkitkan, murid sekolah tidak ketinggalan daripada menjadi mangsa kemalangan jalan raya.
Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah untuk membantu murid mengelakkan kemalangan jalan raya? [3 markah]
- (iv) Rakan anda sering menunggang motosikal di jalan raya meskipun tidak memiliki lesen. Tindakan rakan anda itu dapat membahayakan nyawanya sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.
Selain memberitahu ibu bapanya, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh anda ambil untuk memastikan rakan anda itu mematuhi peraturan jalan raya. [4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sebenarnya, duitku cuma tinggal USD70 selepas aku membeli jaket kulit kijang (aku mengetahui jenisnya setelah Encik Yuksel meneliti jaket tersebut). Aku memandang jaket yang kini terletak di atas katil. Aku hanya membayar USD100 kepada Shahmeem. Dia mengurangkan USD20 daripada harga pasaran gelap sebagai tanda terhutang budi.

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan! Aku merasakan bahawa jaket kulit sebenarnya lambang kemegahan dan kemewahan. Jaket kulit itu seperti lambang pendewaan dan pemujaan diri.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul' oleh Maskiah Haji Masrom, antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

SANG GEMBALA KUDA

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki *punya kuasa*
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Dipetik daripada sajak 'Sang Gembala Kuda' oleh Mohd Hashim
Othman, antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian
Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *punya kuasa*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, bagaimanakah binatang dieksploitasi untuk tujuan pelancongan? [3 markah]
- (iii) Melancong antara aktiviti yang digemari ramai.
Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah melancong kepada seseorang? [3 markah]
- (iv) Salah seorang rakan anda begitu teruja untuk melancong ke luar negara. Rakan anda itu juga sibuk berbelanja terutamanya pakaian untuk dibawa ketika melancong.
Sebagai individu yang prihatin dan pernah mempunyai pengalaman berkunjung ke luar negara, nyatakan nasihat-nasihat yang dapat anda berikan kepada rakan anda itu sebagai persediaan sebelum melancong ke luar negara. [4 markah]

8. (i) *Baca petikan novel di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Cantik.” Akan tetapi, aku lebih suka matahari terbenam, pada senja aku datang ke sini dua minggu lalu. Matahari terbit pagi ini menandakan kami akan berpisah. “Entah bilakah agaknya kita akan berjumpa lagi?” kataku.
“Telefon, e-mel,” jawab Danel. “Surat lebih baik.”
“Surat lebih baik sebab surat datang dari hati,” tukas Geetha menyokong.

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan cara-cara untuk ketiga-tiga sahabat itu berhubung. [4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Bebenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang. [6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak bermulanya tamadun manusia, sungai merupakan nadi kepada kehidupan masyarakat. Sungai merupakan unsur semula jadi ciptaan Tuhan dan khazanah yang banyak memberikan kemaslahatan serta perlu dipelihara supaya sentiasa berkekalan. Malaysia sangat bertuah kerana mempunyai 2986 lembangan sungai secara keseluruhan termasuk 189 lembangan sungai utama, iaitu yang mempunyai keluasan melebihi 80 kilometer persegi. Namun begitu, sesuatu yang mengecewakan ialah anugerah itu tidak dijaga, malah ada yang menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah. Oleh itu, program pemulihan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi menangani masalah pencemaran air sungai yang semakin menjadi-jadi.

Kebanyakan sungai yang tercemar dilaporkan berlaku di kawasan bandar yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti manusia termasuk aliran sisa industri akibat pembangunan yang tidak terancang. Malahan, rumah-rumah termasuk setinggan, kilang pemprosesan komersial termasuk hotel-hotel besar yang ada di ibu kota menyalurkan kumbahan mereka ke longkang dan seterusnya ke sungai. Tegasnya, pembangunan yang pesat menyebabkan kapasiti beban sungai berubah dan juga secara kumulatifnya telah menambahkan bahan pencemar yang memasuki sungai. Selain itu, kemasukan warga asing yang terlampau ramai turut memberikan impak terhadap keindahan alam sekitar lantaran budaya pengotor diaplikasikan ketika berada di negara ini.

Usaha Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengadakan kempen 'Cintailah Sungai Kita' yang dilancarkan sejak tahun 1993 merupakan suatu langkah memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menghargai sungai meskipun hasilnya dilihat umpama mencurahkan air ke daun keladi. Oleh sebab itu, pelbagai pendekatan lain seperti *Bunus River Walk* melibatkan murid sekolah dan pelajar institut pendidikan telah diadakan bertujuan untuk mendedahkan kepentingan penjagaan dan pemuliharaan sungai. Isu alam sekitar khususnya penjagaan kebersihan dan kualiti air sungai adalah antara cabaran alam sekitar yang perlu dihadapi dan ditangani oleh generasi kini dan akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Melestarikan Keindahan Sungai' oleh Samat Buang,
Koleksi Rencana Umum, Jilid 7

APAKAH YANG DAPAT KITA LAKUKAN UNTUK MENCEGAH PENCEMARAN AIR?

1

Mengurangkan penggunaan plastik

2

Tidak membuang najis ternakan ke dalam sungai

3

Sisa bahan industri diuruskan dengan betul

4

Penguatkuasaan undang-undang

5

Pembangunan lestari diasimilasikan